



KONSEP SASTERA ISLAM MENGIKUT ISMAIL FARUQI¹

THE CONCEPT OF ISLAMIC LITERATURE ACCORDING TO ISMAIL FARUQI

Adli Yaacob²

¹ Profosor Madya di Jabatan Bahasa Arab dan Sastera Kuliyyah Ilmu Wahyu & Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
Email: adlihy@iium.edu.my

Article Info:

Article history:

Received date: 15.01.2022

Revised date: 20.02.2022

Accepted date: 15.03.2022

Published date: 31.03.2022

To cite this document:

Yacob, A. (2022). Konsep Sastera Islam Mengikut Ismail Faruqi. *International Journal of Modern Education*, 4 (12), 59-77.

DOI: 10.35631/IJMOE.412006

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Kajian ini berkaitan dengan konsep Sastera Islam yang digagaskan oleh Prof Ismail al-Faruqi. Dalam konsep ini al-Faruqi menekankan beberapa persoalan penting yang perlu difahami oleh umat Islam; pertamanya umat Islam perlu melihat kepada sejarah mereka, iaitu sejarah kesusasteraan dan persuratan dari sasterawan silam. Kemudian beliau menegaskan bahawa sasterawan hari ini, andainya mereka ingin menghasilkan karya yang bermutu mereka mesti meniru seni Quraani yang tulen. Seterusnya, al-Faruqi menyebut bahawa bidang sastera hari ini menjadi lemah kerana sasterwan Islam terpengaruh dengan barat. Hakikatnya barat telah hilang nilai kerohanian kerana berpegang dengan sekuler. Andainya sasterwan Islam menurut barat maka kita akan jadi lemah seperti mereka. Al-Faruqi menyebut beberapa tokoh Islam yang terpengaruh dengan barat. Seterusnya beliau menjawab tuduhan Granebaum yang menyalahkan ajaran Islam keatas kemunduran umat Islam dalam bidang seni dan sasatera. Bagi al-Faruqi asas dalam menghasilkan seni kesusasteraan dalam Islam ialah 'Tawhid'.

¹ Ismail Raji al Faruqi, lahir di Jaffa, Palestin, pada tahun 1921, dalam persekitaran agama yang kuat. Berketurunan Palestin- Amerika, beliau mendapat pendidikan awal agama di sekitar masjid di kediamannya serta melalui bapa beliau sendiri yang merupakan seorang qadi. Kuliahnya diteruskan di College Des Freres (St Joseph), Lubnan, (1926-1936). Beliau menuntut di pelbagai universiti seperti American University of Beirut, Universiti Indiana, Universiti Harvard, Universiti al-Azhar. Pada 1961 Ismail Faruqi menyertai Institute of Islamic Research di Karachi, Pakistan sebagai Profesor penuh. Beliau meninggalkan Pakistan pada 1963, kerana cadangannya untuk menengahkan kurikulum falsafah dan undang-undang Islam ditolak. Sejak musim luruh 1968 beliau menjawat Professor of Islamic di Department of Religion, Universiti Temple hingga syahid pada 1986.

² Profosor Madya di Jabatan Bahasa Arab dan Sastera Kuliyyah Ilmu Wahyu & Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. E-Mel: adlihy@iium.edu.my

Kata Kunci:

Sastera Islam, Persuratan, Tawhid, Seni Quraani, Hasil Karya, Pemikiran, Kebenaran, Kesesatan

Abstract:

This study is related to the concept of Islamic Literature conceived by Prof Ismail al-Faruqi. In this concept al-Faruqi emphasizes some important questions that need to be understood by Muslims; firstly Muslims need to look at their history, that is, the history of literature and correspondence from the writers of the past. Then he stressed that today's writers if they want to produce quality works must imitate the authentic Qurānic art. Next, al-Faruqi mentioned that the field of literature today is weak because Islamic writers are influenced by the west. The fact is that the west has lost its spiritual value because of its acceptance to secularism. If Islamic writers were to follow the west then we would become weak like them. Al-Faruqi mentions several Islamic figures who were influenced by the west. He then responded to Granebaum's accusation of blaming the teachings of Islam on the backwardness of Muslims in the field of art and literature. For al-Faruqi, the basis in producing literary art in Islam is 'Tawhīd'.

Keywords:

Islamic Literature, Literature, Tawhīd, Qurāni Art, Works, Thoughts, Truth, Error

Pendahuluan

Sastera merupakan satu cabang seni dalam menyampaikan sesuatu kreativiti bagi seseorang karyawan dengan cara mereka sendiri iaitu kesenian kesusasteraan. Pada zaman masyarakat Arab Jahiliyyah, mereka mempunyai kabilah-kabilah. Dan setiap kabilah mempunyai satu penyair yang akan menyampaikan syair-syair mereka bagi mewakili kabilah mereka. Oleh sebab itu, mereka akan mengadakan pertandingan kabilah dan kabilah yang menang akan diberikan ganjaran dan menjadi terkenal disebabkan penyair-penyair mereka. Di antara penyair yang terkenal ketika itu ialah Tarfah bin 'Abd, Amr Al-Qais dan An Nabighah. Syair-syair mereka ketika itu banyak membicarakan tentang pujian yang ditujukan kepada kecantikan seseorang perempuan, tentang arak yang menjadi keperluan mereka, tentang pujian terhadap pemimpin mereka dan sebagainya yang berjauhan dengan moral Islam.

Selepas kedatangan Islam, Rasulullah SAW telah mengubah kehidupan mereka yang menyembah berhala kepada Allah yang Esa. Di sinilah tujuan Allah mengutuskan Rasulullah sebagai rahmat yang menukar kehidupan mereka yang penuh kemaksiatan dan kejahilan tentang agama kepada masyarakat yang berakhlak dan bersatu-padu ke arah mempertahankan aqidah Islam dalam jiwa mereka dan menjadikan hati mereka tenang lebih-lebih lagi dengan penurunan Al-Quran sebagai mukjizat bagi membantu Nabi Muhammad S.A.W memperjuangkan syiar Islam. Maka muncullah para penyair Islam seperti Hassan bin Thabit, Kaab bin Zuhair, Abi Zuaib al-Hazali dan ramai lagi. Dalam syair mereka berkisar tentang keimanan kepada Allah, Rasul, membicarakan tentang Islam, mengajak kebaikan dan banyak lagi, kesan penghayatan mereka terhadap agama Allah dan Al-Quran.

Manakala masyarakat Melayu, sebelum memeluk agama Islam mereka telah dipengaruhi oleh tuhan-tuhan (dewa-dewa) dan mitos Hindu dalam epik dan roman mereka. Walaubagaimanapun, selepas kedatangan Islam ke Tanah Melayu, beberapa karya mereka seperti syair mengenai Maha Pencipta iaitu Allah dijadikan teras dalam karya mereka. Ayat-ayat al-Quran dan ungkapan puji-pujian kepada Allah dan Rasulullah S.A.W dipaparkan dalam prosa dan puisi Melayu. Begitu juga tentang kisah-kisah Nabi Muhammad S.A.W dan para sahabat terdapat pada karya-karya mereka.

Tambahan lagi, mereka juga memasukkan dalam sastera mereka ciri nahu dan syntaks kesan dari kesusasteraan al-Quran dan bahasa Arab itu sendiri. Malangnya terdapat beberapa banyak pengikut fahaman orientalis dan penilai sastera Melayu tidak menyedari akan kesusasteraan itu sebagai aset dan sebahagian dari matlamat memperkembangkan ajaran Islam. Sepatutnya, ia diperlebar lagi, bukan disekat ataupun dilupakan, akan tetapi mereka lebih memandangkan kesenian barat lebih bernilai dan menggunakannya dalam memperkembangkan kreativiti dalam seni kesusasteraan mereka.

Konsep Sastera Islam Menurut Ismail Faruqi

Sastera Islam Meniru Gaya al-Quran

Profesor Ismail Raja Al-Faruqi (seterusnya al-Faruqi) mendefinisikan '**sastera Islam sebagai seni Islam yang infiniti (yang ketakterhinggaan), yang disandarkan atas keyakinan kepada Allah**'. Beliau menambah lagi dengan mengatakan yang ajaran Al-Quran merupakan bahan yang terpenting sebagai panduan dalam seni atau sastera Islam. Oleh yang demikian, ia juga boleh dikatakan sebagai seni Qurani.

Al-Faruqi menegaskan bahawa al-Quran memiliki dan mempersembahkan kesusasteraan yang luhur kerana bahasa dan seni yang terkandung di dalamnya merupakan asas yang mutlak dalam penurunan al-Quran. Al-Quran sendiri menjelaskan ia adalah merupakan mukjizat dan demikianlah kita wajib beriman dengannya kerana ia merupakan salah satu daripada rukun iman yang wajib kita beriman dengan kitab suci Al-Quran. Peristiwa bersejarah mengenai Ijaz al-Quran iaitu Allah mencabar orang Arab supaya mendatangkan ayat yang serupa dengannya dengan menghasilkan sepuluh surah atau sekurang-kurangnya satu surah yang mempunyai keindahan seperti. Sepertimana Firman Allah yang terdapat dalam Al-Quran:

وإن كنتم في ريب مما نزلنا على عبدنا فأتوا بسورة من مثله

Yang Bermaksud: Dan jika kamu meragukan Al-Quran yang kami turunkan kepada hamba kami Muhammad, maka buatlah satu surah semisal dengannya dan ajaklah penolong-penolongmu selain Allah, jika kamu orang yang benar. (Al-Baqarah:23)³

Mereka telah mencubanya, walaubagaimanapun akhirnya mereka terpaksa akui bahawa kesusasteraan yang terdapat pada ayat-ayat al-Quran tiada tandingan. Keistimewaan inilah yang menjadikan umat Islam bertambah kuat, kerana di dalamnya terdapat ayat yang membuatkan hati menjadi gementar, kagum dan bersemangat dan mengakuinya sebagai wahyu

³ Ibnu Muhammad Al-Sheikh, T.T, **Sheikh Saleh Ibn Abdul Aziz, Tafsir Al-Quran Dan Terjemahannya**, Saudi Arabia, p12.

Allah dan ianya merupakan mukjizat yang terbesar daripada Allah kepada Nabi Muhammad S.A.W.

Keluhuran isi kandungan yang terdapat pada ayat-ayat al-Quran menunjukkan bahawa ajaran Islam boleh diterima aqal dan sesuai untuk semua manusia. Ini kerana, dalam Islam manusia semuanya sama, ini kerana Allah SWT tidak melihat pada kecantikan rupa paras akan tetapi pada hakikatnya Allah melihat amalan yang dikerjakan oleh hambanya dan yang membezakan antara kita ialah ketaqwaan. Ajaran al-Quran tidak menafikan keinginan nafsu semula jadi manusia yang ingin menikmati makan, minum, berkahwin, dan sebagainya, akan tetapi hendaklah tidak melampaui batasan dan berlandaskan syariat, di samping itu tidak meninggalkan ibadah untuk akhirat. Seseorang muslim itu hendaklah mengimbangi kehidupan dunia dan akhiratnya. Dunia dijadikan tempat persinggahan dan tempat menambahkan amal kebajikan bagi perjalanan menuju ke akhirat tempat yang kekal abadi.

Menurut beliau lagi, para cendekiawan Islam telah menjalankan kajian tentang al-Quran yang juga merupakan pengajian kesusasteraan. Sehingga kini, mereka bertungkus lumus menggali sebanyak mungkin keajaiban yang terdapat pada ayat-ayat al-Quran. Berlian yang tidak terhingga nilainya ini boleh dikenali sebagai awjuh atau I'jaz Al-Quran(aspek-aspek) atau (faktor-faktor) yang menjadikan ayat-ayatnya terhebat dan tiada tandingannya, kerana ianya mukjizat yang terbesar yang dikurniakan Allah kepada nabi kita, nabi Muhammad S.A.W dan umatnya sebagai panduan hidup di dunia dan Allah berjanji akan memeliharanya hingga hari Qiyamat. Tambahan pula Rasulullah pernah bersabda bahawa barangsiapa yang berpegang dengan Al-Quran dan Sunnah ia tidak akan sesat selama-lamanya.

إنا نحن نزلنا الذكر وإنا له لحافظون

Yang bermaksud: Sesungguhnya Kami menurunkan Al-Quran dan pastilah kami memeliharanya selama-lamanya. (Surah Al-Hijr:9)⁴

Kesemua mereka yang menjalankan kajian tersebut menulis tentang pembelajaran al-Quran, akan tetapi sebahagiannya sahaja yang membincangkan dengan lebih terperinci dan panjang lebar. Mereka ialah al-Jahiz, al-Kummani, al-Khattabi, al-Baqillani, Abd al-Qahir al-Jurjani dan lain-lain. Mereka bukan sekadar menafsir ayat ayat al-Quran tetapi jauh dari itu membahaskan aspek aspek balagah dan rahsia rahsia yang terkandung di sebalik pengertian ayat dan sebagainya. Terdapat persamaan tentang ciri-ciri al-Quran atau bukti keluhurannya pada tulisan mereka antaranya: Beliau berpendapat bahawa genre sastera Islam itu universal dan mencerminkan tradisi al Quran. Antara kriteria al Quran yang harus dicontohi oleh kesusasteraan Islam ialah: ⁵

Pertama: صياغة (pembentukan kata melalui percantuman perkataan perkataan yang terbaik untuk disesuaikan dengan sesuatu makna) Contoh: penggunaan perkataan “قرة أعين” di dalam al Quran bagi menggambarkan nikmat syurga yang yang tidak pernah dilihat manusia.⁶ Mereka bersepakat mengatakan al-Quran bukanlah syair apatah lagi sajak Arab. Ini kerana Syair Arab mempunyai pola irama iaitu bilangan panjang dan kedudukan sukukatnya dan rima

⁴ Ibid,p391.

⁵ Ismail Al-Faruqi, Lois Lamy' Al-Faruqi, 1998, **Kumpulan Kertas Kerja Al-Faruqi, Pemikiran Islam Al-Faruqi**, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia: Kuala Lumpur, pp 40-41

⁶ فلا تعلم نفس ما أخفي لهم من قرة أعين جزاء بما كانوا يعملون - surah as Sajadah ayat 17

yakni penggunaan konsonan dan vokal pada sukukata akhir. Sajak Arab pula berbentuk prosa yang diakhiri ayat atau frasanya ditandai oleh bentuk rimanya pada sepanjang gubahan sajak itu. Kita tidak boleh mengatakan al-Quran sebagai syair atau sajak sekalipun ia mempunyai kedua-dua ciri ini. Al-Quran tidak mematuhi mana-mana syarat seperti yang terdapat pada syair dan sajak.

وما هو بقول شاعر قليلا ما تؤمنون

Yang Bermaksud: dan ia (Al-Quran) bukanlah perkataan seorang penyair, sedikit sekali kamu beriman padanya. (Surah Al-Haqqah:41)⁷

Ini terbukti pada zaman Rasulullah, beberapa orang pemimpin Quraish telah berkumpul untuk berbincang mengenai strategi yang bakal dijalankan untuk membuat Rasulullah mengikut kata mereka. Akhirnya mereka telah bersetuju untuk menghantar al-Walid bin Mughirah yang merupakan seorang sasterawan Arab yang terkenal agar memujuk Rasulullah bagi menghentikan dakwah dengan ganjaran pangkat, harta dan sebagainya. Selepas Rasulullah mendengar kata-kata al- Walid, baginda memperdengarkan padanya surah Fusillat dari awal sampai akhir, ayat-ayat Al-Quran itu membuatnya terkasima dan terpegun sehingga dia termenung seketika dan mengamati keindahan kesusasteraannya dan terus kembali kepada kaumnya tanpa berkata apa-apa kepada baginda. Sekembalinya, mereka memang sedang menantikan khabar daripadanya dan bertanya tentang keadaannya yang muram. Maka dia mengatakan yang dia belum pernah mendengarkan kata-kata yang paling indah seperti apa yang dibacakan oleh Rasulullah SAW, dia menambah lagi kata-kata itu bukan syair, bukan sihir dan bukan pula kata-kata ahli nujum. Al-Walid berkata: **'Sesungguhnya Al-Quran itu ibarat pohon yang daunnya rendang, akarnya terhunjam ke bawah tanah. Ini bukan kata kata manusia tetapi kata kata Tuhan manusia'**. Oleh itu, mereka menuduh al-Walid telah mengkhianati agama mereka.

أفسح هذا أم أنتم لا تبصرون

Yang bermaksud: Maka apakah ini sihir? Atau apakah kamu tidak melihat? (Surah At-Tur: 15)⁸

Kedua: تمحيل المعاني

(Penyamaan sesuatu maksud abstrak melalui penilaian munasabah lalu mewujudkan yang tiada, khayalan menjadi kenyataan, dan abstrak kepada kukuh) Ayat al-Quran tersusun daripada perkataan dan frasa yang menepati maknanya. Pemilihan katanya tepat, benar dan sempurna. Jika diubah sedikitpun, akan mengubah maknanya dan hilang keindahannya, malah menjadi bertambah buruk. Ini jelas dalam percubaan-percubaan pemimpin-pemimpin dan ahli sastera yang telah mencuba meniru ayat Quran, bahkan ada yang mendakwa menjadi nabi seperti Musailamah al-Kazzab, Thulaihah, Hablah bin kaab dan lain-lain. Sebagai contoh berikut, seperti yang direka oleh Musailamah al-Kazzab yang meniru dan mengubah surah al-fil: Al-Fil.wa ma adraka ma fil..yang menceritakan tentang gajah yang mempunyai dua telinga, belalai yang panjang...,mengubahnya tidak menjadikannya indah, sedangkan surah al-Fil yang terdapat dalam ayat Quran menceritakan sejarah tentang tentera gajah Abrahah yang datang untuk menghancurkan Kaabah, akhirnya dimusnahkan oleh burung Ababil yang dihantar oleh Allah SWT membawa batu dari neraka dan menghancurkan mereka bagi

⁷ Ibid,p970

⁸ Ibid,p866

menghormati kelahiran Nabi Muhammad SAW. Oleh itu al-Quran bukan sekadar keindahan struktur ayat ayatnya tetapi kebenaran dan ketepatan mesej yang dibawanya.

Ketiga: مقابلة atau توازن (pengimbangan atau peletakan kata kata, frasa atau makna yang simetrikal; pengulangan iaitu penekanan bentuk atau tema yang berulang-ulang namun setiap satunya walaupun berbeza tetapi masih membincangkan perkara yang sama) Contoh: sebagaimana firman Allah swt di dalam al Quran di dalam surah al Baqarah, ayat 183-187⁹ yang menceritakan tentang puasa, tetapi di pertengahan ayat, Allah swt menyebut tentang doa (ayat 186), kemudian menyambung perihal puasa di dalam ayat seterusnya, menunjukkan bahawa susunan frasa al Quran itu seimbang. Segala kata dan rangkaian dalam al-Quran, baik dari kedudukan ayatnya mahupun maknanya, samada pada satu surah atau seluruhnya, akan membuatkan pembaca mahupun yang mendengarnya akan mendapat ketenangan serta kepuasan jiwa, seni al-Quran ini dipanggil *tawazun*, iaitu perimbangan, baik pada bentuk dan juga kandungannya, seperti yang terjadi kepada Umar Al-Khattab selepas mendengar adiknya Fatimah membaca beberapa ayat daripada Surah Toha.

طه

ما أنزلنا عليك القرآن لتشقى

Yang bermaksud: Toha, Kami tidak menurunkan Al-Quran ini kepada mu (Muhammad) untuk menjadikanmu susah. (Surah Toha:1-2)¹⁰

Ayat al-Quran tersebut telah menjadikan hatinya yang keras dan membenci nabi Muhammad SAW menjadi lembut dan tenang hingga menyebabkan beliau bertekad berjumpa Rasulullah SAW dan mengucap dua kalimah syahadah. Begitulah salah satu kisah seorang yang padanya memusuhi Islam menjadikannya seorang hamba Allah yang taat, dan seterusnya memperjuangkan Islam bersama-sama Rasulullah SAW.

Keempat: الإيجاز (kesingkatan atau ketepatan dan keringkasan atau penggunaan perkataan yang seminima mungkin, tapi membekalkan makna yang padat) Contoh: Allah berfirman menggunakan ayat yang ringkas dan padat di dalam surah al Ikhlas¹¹, namun cukup bagi menerangkan ketauhidanNYA. Walaupun terdapat dalam al-Quran ayat-ayat yang ringkas, tetapi mempunyai keluasan maksud dan juga kekuatan makna. Sebagaimana yang terdapat pada surah al-Ikhlas, surah al-Falaq dan surah an-Nas. Ayatnya ringkas, mudah difahami tetapi mempunyai maksud dan fadhilat yang amat bermakna. Sehingga Rasulullah pernah bersabda yang bermaksud, *Barangsiapa yang membaca surah al-Ikhlas, surah al-Falaq dan surah-an-*

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا حُبِّبْ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا حُبِّبَ عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ (183)⁹
أَيَّامًا مَعْدُودَاتٍ فَمَنْ كَانَ مِنْكُمْ مَرِيضًا أَوْ عَلَى سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِنْ أَيَّامٍ أُخَرَ وَعَلَى الَّذِينَ يُطِيفُونَ فِدْيَةٌ طَعَامُ مِسْكِينٍ فَمَنْ تَطَوَّعَ خَيْرًا فَهُوَ خَيْرٌ لَهُ وَأَنْ تَصُومُوا خَيْرٌ لَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ (184)

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِنَ الْهُدَى وَالْفُرْقَانِ فَمَنْ شَهِدَ مِنْكُمُ الشَّهْرَ فَلْيَصُمْهُ وَمَنْ كَانَ مَرِيضًا أَوْ عَلَى سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِنْ أَيَّامٍ أُخَرَ يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ وَلِتُكْمِلُوا الْعِدَّةَ وَلِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَى مَا هَدَاكُمْ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ (185)

وَإِذَا سَأَلَكَ عِبَادِي عَنِّي فَإِنِّي قَرِيبٌ أُجِيبُ دَعْوَةَ الدَّاعِ إِذَا دَعَانِ فَلْيَسْتَجِيبُوا لِي وَلْيُؤْمِنُوا بِي لَعَلَّهُمْ يَرْشُدُونَ (186)

أَجَلٌ لَكُمْ لَيْلَةَ الصِّيَامِ الرَّفْتُ إِلَى نِسَائِكُمْ هُنَّ لِبَاسٌ لَكُمْ وَأَنْتُمْ لِبَاسٌ هُنَّ عَلِمَ اللَّهُ أَنَّكُمْ كُنْتُمْ تَخْتَانُونَ أَنْفُسَكُمْ فَتَابَ عَلَيْكُمْ وَعَفَا عَنْكُمْ فَالآنَ بَاشِرُوهُنَّ وَابْتَغُوا مَا كَتَبَ اللَّهُ لَكُمْ وَكُلُوا وَاشْرَبُوا حَتَّى يَتَبَيَّنَ لَكُمُ الْخَيْطُ الْأَبْيَضُ مِنَ الْخَيْطِ الْأَسْوَدِ مِنَ الْفَجْرِ ثُمَّ أَتُوا الصِّيَامَ إِلَى اللَّيْلِ وَلَا تُبَاشِرُوهُنَّ وَأَنْتُمْ عَاكِفُونَ فِي الْمَسَاجِدِ تِلْكَ حُدُودُ اللَّهِ فَلَا تَجْرَأُ عَلَيْهَا كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ آيَاتِهِ لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَّقُونَ (187)

¹⁰ Ibid, p 476.

فَلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ (1) (4) وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ (3) اللَّهُ الصَّمَدُ (2)¹¹

Nas setelah solat Jumaat sebanyak tujuh kali, Allah akan menjauhkannya daripada kejahatan sehinggalah Jumaat yang akan datang. Riwayat Ibnu Sunni daripada Hadis Aisyah R.A. walaupun begitu, ayat yang ringkas bukanlah asas mutlak bagi al-Quran, kerana terdapat juga surah-surah yang panjang dan mempunyai keistimewaannya yang tersendiri seperti surah al-Baqarah dan surah-surah panjang yang lain yang mengandungi pelbagai keistimewaannya seperti sabda Rasulullah SAW:

‘Janganlah menjadikan rumah kalian seperti kawasan perkuburan. Sesungguhnya syaitan akan lari dari rumah yang dibacakan didalamnya surah al-Baqarah.’

Kelima: الترسُّل (penyambungan yang tidak berkembang, penggantian tema, bahagian atau bab yang tidak saling berkait secara organik, tetapi membuka dan menutup setiap karangan dengan frasa atau tema yang baku, dan membekalkan momentum kepada kesinambungan yang infiniti) Allah menerangkan akan hal ini di dalam firmanNYA di dalam surah an-Nisa' ayat 82:

أَفَلَا يَتَدَبَّرُونَ الْقُرْآنَ وَلَوْ كَانَ مِنْ عِنْدِ غَيْرِ اللَّهِ لَوَجَدُوا فِيهِ اخْتِلَافًا كَثِيرًا

maksudnya: Maka apakah mereka tidak memperhatikan al Quran? Kalau kiranya al Quran itu bukan dari sisi Allah. Tentulah mereka mendapat pertentangan yang banyak di dalamnya. Melalui ayat ini, dapatlah kita fahami bahawa setiap apa yang disebut di dalam al Quran itu tidak bercanggah sesama sendiri. Pada al-Quran, terdapat unsur-unsur *simile* iaitu perumpamaan dan metafora, hubungan atau ceraiian di antara konsep-konsep dan tanggapan fikiran sehingga menjadikan kita taajub dengan keunikannya. Berdasarkan kualiti yang unik ini, ahli-ahli dalam seni kesusasteraan mencipta istilah badi' al-Quran (keluhuran daya cipta pada al-Quran) dan istilah itu merujuk pada keindahan rangkainya dan penekanannya seperti;

مثل الذين كفروا بربهم أعمالهم كرماد اشتدت به الريح في يوم عاصف لا
يقدرון مما كسبوا على شيء ذلك هو الضلال البعيد

Yang Bermaksud: Perumpamaan orang yang ingkar kepada Tuhannya, perbuatan mereka seperti abu yang ditiup oleh angin keras pada suatu hari yang berangin kencang.

Mereka tidak ada kuasa mendatangkan manfaat sama sekali dari apa yang diusahakan di dunia. Yang demikian itu adalah kesesatan yang jauh. (Surah Ibrahim:18)¹²

Keenam: البيان (memperjelas gaya ungkapan tanpa penggunaan “crypticism” atau perkataan yang tersembunyi ertinya) Komposisi al-Quran sentiasa teliti, ayat-ayatnya mempunyai hubungan antara satu dengan yang lain dan dipersembahkan dengan sebaik-baiknya, sehingga dianggap benar-benar lengkap dan sempurna. Kesinambungan dan struktur gubahannya bebas daripada sebarang kelemahan. Kerapkali juga, ada perkataan atau rangkai kata yang dicirikan tetapi makna ayatnya tetap jelas.

Ketujuh: الإيقاع (menyesuaikan keadaan sesuatu perkataan) Contoh: Allah SWT menggunakan perkataan yang bersesuaian untuk menggambarkan sesuatu, seperti firmanNYA;

¹² Ibid,p382

أفلا ينظرون إلى الإبل كيف خلقت * وإلى السماء كيف رفعت * وإلى الجبال كيف
نصبت * وإلى الأرض كيف سطحت*¹³

Ayat-ayatnya mempunyai gaya bahasa yang amat lunak dan halus, al-Quran juga amat tegas dan keras. Para pembacanya akan merasai kelunakannya yang menyelinap di jiwanya tetapi dia juga boleh merasai tamparan ketika membaca dan menghayati maknanya. Hal ini boleh dikenali dengan *husn al-iqa'* yang membawa maksud keindahan seni yang menusuk ke dalam jiwa manusia. Di antaranya, ada yang lembut yang memberikan semangat dan motivasi sebagai contoh pada ayat yang terdapat pada surah Al-Hadid: 22-23 yang bermaksud: Tiada suatu bencana pun yang menimpa di bumi dan tidak pula pada dirimu sendiri melainkan telah tertulis pada kitab (Luh Mahfuz) sebelum Kami menciptakannya. Sesungguhnya yang demikian itu adalah mudah bagi Allah. Kami jelaskan yang demikian itu supaya kamu jangan berdukacita terhadap apa yang luput dari kamu, dan supaya kamu jangan terlalu gembira terhadap apa yang diberikan kepada kamu. Dan Allah tidak menyukai setiap orang yang sombong lagi membanggakan diri. Terdapat juga padanya larangan yang keras atau celaan yang bertalu-talu.

Kelapan: مطابقة العبارة لمقتضى الحال (ketepatan gaya ungkapan atau kesesuaiannya dengan keadaan, iaitu pemilihan istilah dan gaya bahasa hendaklah disesuaikan dengan kefahaman para pembaca atau audiennya, dan demikian juga tajuk perbincangannya). Gubahan atau kandungan al-Quran tidak mengikut struktur peristilahan yang biasa. Kata-kata kerja seperti kini, lepas, akan datang, ayat perintah, kesemuanya tergabung dalam perenggan yang sama. Ia berpindah daripada bentuk ujaran diri ketiga kepada diri kedua, daripada ayat Tanya kepada ayat seru dan nasihat. Selain itu, dalamnya terkandung juga ayat pengulangan, tetapi pada setiap pengulangan ada mesej yang disampaikan. Teks al-Quran juga tidak disusun mengikut topik atau kronologi kerana tujuan utama al-Quran bukan sebagai bahan pemeriksaan terperinci yang teratur, laporan atau historiografi (penulisan sejarah). Akan tetapi, setiap rangkai kata, rangkap atau himpunan rangkap dan surahnya membentuk suatu unit yang tersendiri, lengkap dan terjalin bersama dengan tersusun sekali.

Kesembilan: الانتقال (pertukaran mendadak pada kalaan atau makna kepada keadaan keadaan yang bertentangan dengannya, dengan tujuan memperkukuh kedua dua keadaan tersebut) Contoh: di dalam surah al-Fatihah, Allah berfirman menggunakan kata ganti diri "هو" iaitu "dia" di dalam ayat 1- 4, kemudian menukar secara mendadak kepada kata ganti diri "أنت" iaitu "engkau" di dalam ayat yang kelima.

الحمد لله رب العالمين * الرحمن الرحيم * مالك يوم الدين * إياك نعبد وإياك
نستعين *

Jesteru dari fakta yang diketengahkan oleh al-Faruqi, jelas antara ciri penting Konsep sastera Islam mengikutnya adalah meniru gaya persembahan al-Quran. Untuk menghasilkan 'sastera Islam' yang memiliki nilai dan gaya al-Quran maka sasterawan Islam perlu memiliki daya dan kemampuan ilmu untuk menguasai bahasa dan ilmu al Quran, disamping keperibadian yang berbakat dalam bidang kesusasteraan.

¹³ Surah al Ghasyiah ayat 17- 20

Kesan al-Quran Dalam Seni Persuratan.¹⁴

Al Quran telah membawa perubahan yang besar kepada kehidupan manusia. Keluhuran isi kandungannya telah berjaya mendorong manusia untuk menerima agama Islam. Al Quran telah member kesan yang besar kepada golongan cendekiawan Arab. Penyair penyair ini apabila memeluk Islam mereka menghayati Islam sepenuh jiwa dan hati, al-Quran telah meresap dalam jiwa dan pemikiran mereka, Jesteru, kesan dari pemahaman dari al Quran tergambar dalam syair syair mereka. Pengetahuan kesusasteraan yang tinggi, sememangnya sedia ada dan sebatu dalam jiwa mereka, memudahkan mereka menerima al-Quran dan seterusnya menghayatinya lebih-lebih lagi al-Quran diturunkan dalam bahasa ibunda mereka iaitu bahasa Arab. Al Quran datang kepada mereka sebagai satu nilai yang amat bermakna; al-Quran telah memberikan satu nilai intelektual yang tinggi, ia bukan sahaja membicarakan tentang urusan dunia tetapi juga perkara perkara ghaib; syurga, neraka, kematian, azab kubur, hari kebangkitan semula qada dan qadar dan sebagainya. Disamping itu al-Quran juga menambah kosa kata dalam bahasa Arab. Hal ini amat bermakna pada para cendekiawan dan para penyair. Hal ini dapat dilihat dalam beberapa syair yang muncul selepas Islam, antaranya; Hassan Bin Thabit dalam syairnya:

وقلتم لن نرى والله مبصركم
محمد والعزیز الله یخبره
وفیکم محکم الآیات والقیل
بما تکن سریرات الأقویل

Hassan telah menggubah syair ini berpandukan dari ayat Al-Quran,

لا تدركه الأبصار وهو يدرك الأبصار

Yang bermaksud: Dia tidak dapat dicapai oleh penglihatan mata, sedang Dia dapat melihat segala penglihatan itu dan Dialah Maha Halus lagi Maha Teliti. (Surah Al-Ana'm:103)

وربك يعلم ما تكن صدورهم وما يعلنون

Yang bermaksud: Dan Tuhan-Mu mengetahui apa yang disembunyikan dan apa yang mereka nyatakan. (Surah Al-Qasas:69)

Oleh kerana al-Quran membawa nilai yang luhur, telah menyebabkan para sasterawan terhenti dari menghasilkan karya mereka kerana tidak tertanding dengan seni terindah yang dibawa al-Quran. Mereka tenggelam dalam kekaguman terhadap al-Quran. Ini menyebabkan sebahagian daripada mereka memilih untuk tidak mengarang syair lagi. Manakala sebahagian lain terus menyanjung al-Quran. mereka menghafal ayat al-Quran dengan penghayatan yang mendalam. Natiujahnya, al-Quran telah sebatu dalam jiwa mereka sehingga kesanya, membawa perubahan dari segi penghayatan agama, intelektual, kebudayaan, moral, sosial, ekonomi dan politik. Bertepatan dengan firman Allah:

الم، ذلك الكتاب لا ريب فيه هدى للمتقين

Yang bermaksud: Alif Lam Mim, Kitab Al-Quran ini tidak ada keraguan padanya, petunjuk bagi orang yang bertaqwa. (Surah Al-Baqarah:1-2)¹⁵

¹⁴Ismail Al-Faruqi, Lois Lamya' Al-Faruqi, 1998, *passim*, pp 37-40.

Di sekitar tanah Arab, al-Quran telah mempengaruhi kesusasteraan orang Kristian dan Yahudi. Di kebanyakan negara-negara Islam seperti Mesir, Syria, Jordan, Libya, Maghribi, Tunisia, Sudan dan lain-lainnya. Sebelum kedatangan Islam, Bahasa Arab bukanlah bahasa rasmi mereka. Bahasa Arab dijadikan bahasa rasmi kehidupan dan pertuturan apabila mereka menerima Islam sebagai agama. Mereka amat terkesan dengan al-Quran sehingga menjadikan bahasanya sebagai bahasa ilmu dan bahasa pertuturan seharian. Bahasa lama mereka seperti bahasa Qibti lenyap dan meresap masuk ke dalam bahasa Arab yang dituturkan. Maka di Mesir bahasa Arabnya mengikut *Lahjah Mesir*, situasi ini juga terjadi di banyak Negara lain seperti Syria, Jordan, Palestin, Libya Maghribi dan sebagainya, Bahasa asal mereka lenyap dan meresap masuk dalam Bahasa Arab akhirnya membentuk lahjah pertuturan Bahasa Arab yang berbeza mengikut tempat masing-masing.

Manakala kesan al-Quran juga jelas terdapat kepada bahasa dan bangsa yang menerima Islam tetapi tidak menjadikan Bahasa Arab sebagai bahasa pertuturan. Meskipun mereka tidak menjadikan bahasa Arab sebagai bahasa pertuturan tetapi al-Quran dan bahasa Arab mempengaruhi bahasa pertuturan mereka. Oleh sebab itu, bahasa Pahlawi menjadi 'Farisi of Firdausi', bahasa Turki menjadi 'Turki 'Uthmani', bahasa Sanskrit menjadi 'bahasa Urdu', Selain itu, penyerapan bahasa Arab daripada al-Quran yang telah bergabung dengan dialek pertuturan orang Melayu dahulu kala membentuk satu bahasa Melayu campuran sehingga membentuk bahasa Melayu yang wujud pada hari ini. Terdapat banyak perkataan yang digunakan dalam bahasa Melayu kesan dari bahasa al-Quran seperti iman, kitab, Islam, ikhlas, muslim, manfaat, fikir, faedah, ilmu dan lain-lain. Bahkan bahasa Melayu menjadi medium utama dalam penyebaran Islam di Alam Melayu. Kitab-kitab kuning yang terkenal pada abad ketujuh belas dan dua puluh ditulis dalam bahasa Melayu. Ditambah lagi para ulama Melayu pada waktu itu memainkan peranan yang penting dalam penyebaran Islam di Nusantara. Mereka secara umumnya mendapat pendidikan di Makkah al-Mukaramah. Oleh itu dapat disimpulkan bahawa pemahaman al-Quran, penguasaan bahasa Melayu dan bahasa Arab telah menjadi satu faktor yang penting dalam penyebaran Islam di Nusantara. Jesteru, bahasa Melayu lahir dan dibentuk dari pemahaman para ulama daripada bahasa Arab. Nilai-nilai dan makna yang mempunyai unsur-unsur syirik disaring, dan yang dikekalkan makna yang tidak bercanggah dengan Islam dan penambahan makna dari kosa kata dari Bahasa Arab itu sendiri.

Daripada terkesan dan penghayatan dari seni Qurani maka para sasterawan menghasilkan karya-karya yang hebat yang membawa mesej kefahaman dan falsafah Islam. Karya-karya mereka masih lagi dikaji dan diajari hingga ke hari ini. Nilai ini tidak lain hanya kerana sentuhan dari seni al-Quran. Hampir keseluruhan karya-karya sasterawan berteraskan seni al-Quran ini; umpamanya; khutbah, risalah, maqamah, qissah, qasidah, maqalah, prosa, syair dan sebagainya adalah jelmaan dari penghayatan dan pemahaman para ilmuwan Islam dari al-Quran. Sebagai contoh Dalam seni 'kepuisian' kebanyakan puisi orang Islam mengikut tatacara yang serupa dengan puisi orang Arab, umpamanya *bahr-abhor* yakni modus ritma, pembahagian rangkapnya kepada dua, tiga, empat dan lima *hemistitch* iaitu jika lebih daripada dua, ia akan dipisahkan dengan mengulangi *choral hemistitch*, manakala ritma dan autonomi total rangkap, iaitu *bayt*. Ini memudahkan penulis menumpukan daya kreativitinya untuk memilih kata-kata dengan maksud yang tepat, juga untuk menghalusi ciptaan dan gaya karyanya. Ini amat berfaedah, kerana setiap rangkap boleh berdiri sendiri dan memancarkan keindahan daripada istilah dan rangkaikata yang tersendiri.

Selain daripada itu, prosa orang Islam mengikut tatacara prosa orang Arab juga. Ini termasuklah *siyaghah*, yakni pembentukan kata melalui percantuman perkataan-perkataan yang terbaik untuk diselarikan dengan maknanya. Jenis-jenis yang lain termasuklah muqabalah, atau tawazun, iaitu pengimbangan atau perletakan kata-kata, frasa atau makna yang *simetrikal*, pengulangan, iaitu penekanan bentuk, kecaaraan atau tema yang berulang-ulang yang setiap satunya berbeza daripada yang lain tetapi masih tertumpu kepada pokok perbincangan yang sama. Yakni penggantian tema, bahagian atau bab yang tidak ada kaitan antara satu sama lain secara organik, tapi membuka dan menutup setiap karangan dengan frasa atau tema yang baku dan memberikan kesinambungan yang ketidakhinggaan; *al-ijaz* iaitu kesingkatan, ketepatan dan keringkasan, ataupun penggunaan perkataan yang sedikit akan tetapi memberikan makna yang padat; *al-iqa'* iaitu menyesuaikan kedudukan setiap perkataan.

Manakala *al-intiqal* merupakan pertukaran mendadak pada kalam, bentuk ujaran, atau makna kepada keadaan yang bertentangan dengannya, dengan tujuan mengukuhkan kedua-dua keadaan tersebut, *tamthil al-maani* iaitu penyamaan sesuatu maksud abstrak melalui penilaian yang munasabah, lalu mewujudkan yang tiada, menjadikan nilai yang munasabah, lalu mewujudkan yang tiada, menjadikan khayalan kepada kenyataan, dan yang abstrak menjadi kukuh.

Terdapat juga padanya *al-bayan* yang berfungsi sebagai memperjelas gaya ungkapan tanpa menggunakan perkataan yang tersembunyi dan akhir sekali *muthabaqah al-ibarah li muqtada hal* iaitu ketepatan gaya ungkapan atau kesesuaiannya dengan keadaan, yakni pemilihan istilah dan gaya bahasanya hendaklah disesuaikan dengan kefahaman para pembaca atau *audiennya*, begitu juga dengan tajuk perbincangannya.

Oleh kerana kesemua ciri-ciri tersebut berasal daripada al-Quran, maka contoh-contoh unggul tersebut menjadi ikutan orang Islam seterusnya membentuk warisan kesusasteraan yang bernilai dalam sejarah manusia. Dukacitanya, pada zaman kolonialisme, pengaruh luar telah mendesak penggantian huruf Arab kepada huruf Latin, malah telah mengubah citarasa kesusasteraan dan cara pemikiran orang Islam. Penggantian ini telah menjadikan generasi selepas itu terpisah dari karya karya Islam yang ditulis dalam tulisan Arab (huruf hijaiyyah). Seterusnya dizaman moden ini orang-orang barat telah memperkenalkan sistem pembelajarannya, kemudian diikuti dengan media awam, teater, wayang gambar, video, televisyen dan seumpamanya telah memberikan ledakan dan kesan dalam dunia kesusasteraan.

Zaman Kemerostan: Peniruan Dan Kemasukan Pengaruh Asing.

***Perbandingan Antara Sastera Islam Dengan Sastera Barat.*¹⁶**

Disebabkan orang Islam menyimpang daripada seni Qurani, dan terpengaruh dengan pengaruh-pengaruh dari pemikiran barat telah menyebabkan kualiti sastera mereka menjadi rendah dan merosot. Dari sinilah, penghasilan sastera kita mula terpisah daripada maksud sebenarnya, dan para sasterawan kita mula menunjukkan ciri-ciri peniruan dan tokoh tambah. Ekoran daripada itu karya-karya sasterawan kita telah menghilangkan kesan keluhuran dalam seni kesusasteraan. Hasil kesusasteraan cuma menjadi suatu bahan renungan sahaja tapi bukan ikutan. Para peminat sastera ketika itu, hanya berpeluk tubuh tanpa mempertahankan kesenian

¹⁶ Ibid, pp 41-49.

dari segi nilai-nilai yang terkandung di dalamnya dan menerima seadanya pengaruh dari barat tersebut.

Hari ini terdapat para cendekiawan Islam yang ghairah meniru semua aspek nilai dan hidup dari barat, terutama perkara yang berkaitan dengan sastera. Maka munculah Taha Husayn, Muhammad Husayn Haikal, Najib Mahfuz, Abbas Mahmud al-Aqqad dan sebagainya. Mereka adalah pengkagum kepada budaya barat. Mereka melihat barat adalah guru yang mesti dijadikan Qudwah andainya ingin maju. Kesan dari terpengaruh dari budaya barat jelas terdapat dalam karya Najib Mahfuz 'Awlad Haratina', Karya Taha Husayn 'al-Ayyam' dan sebagainya. Mereka yang terpengaruh dengan ideology komunis cuba untuk mempopularkan idea sosialis komunis; ini jelas terdapat dalam karya Najib Mahfuz, dan mereka yang terpengaruh dengan kapitalis barat jelas cuba untuk mempopularkan aliran pemikiran barat seolah olah barat ini adalah contoh yang sempurna tidak ada cacat celanya seperti terdapat dalam banyak karya Taha Husayn. Taha Husayan telah dating dengan satu fahaman yang agak ekstrim terhadap Islam, andainya bangsa Arab ingin maju mereka perlu meniru barat sepenuhnya dan beliau telah menganjurkan satu fahman falsafah yang dibawa oleh Rene Decarts dijadikan pegangannya; antara anjurannya ialah ; menolak semua pendapat ulama silam, menolak pegangan yang boleh menghalang kemajuan pemikiran meskipun ia bercanggah dengan agama Islam, pegangan hokum dan tradisi Arab.

Disamping itu terdapat juga golongan dari cendekiawan Islam yang melihat barat mesti dilihat sebagai sebagai satu contoh dalam mengejar kemajuan tetapi Islam perlu dijadikan pegangan hidup. Prinsip ini secara umumnya dipegang oleh golongan yang digelar 'Modenist Islam' Jamal al-Din al-Afghani Muhammad Abduh, Rasyid Redha, Iqbal dan sebagainya. Golongan ini menyedari bahawa kemajuan dan tamadun dunia sekarang ini berada di Barat jesteru itu, Islam perlu belajar dari barat tanpa meninggalkan al-Quran, Sunnah dan penghayatan Islam. Ini kerana kemajuan tamadun barat asalnya adalah dari khazanah Islam, barat telah mencuri khazanah ilmu yang ditinggalkan oleh ulama Islam dahulu, khususnya dari tamadun Andalusia. Setelah Andalusia jatuh pada 1482 Masihi, pada tahun 1488 Vasco Da Gama sudah sampai di Tanjung Pengharapan, Afrika Selatan dalam rangka untuk mencari jalan ke Timur seterusnya membuka cengkaman penjajahan. Pada tahun 1509 Portugis sudah mula menyerang Melaka buat kali pertama dibawah Laksmana Lopez des Queira, dan pada ahun 1511 buat kali kedua di bawah pimpinan Alfonso De Albuquerque dan akhirnya menguasai Melaka. Penguasaan keatas Melaka telah membuka jalan kepada kuasa penjajahan barat di kawasan timur. Barat telah bersedia dengan persediaan ilmu untuk menguasai dunia. Mereka telah mencuri dan menyimpan fakta fakta berkaitan dengan peta dunia dan lautan dari karangan Yaqut al Hamawi. Barat berhutang dengan Islam dalam pembinaan tamadaun, jesteru Islam perlu mengambil kembali warisan yang hilang. Namun demikian proses pengambilan ini perlu berdasarkan pada Ilmu. Para Ilmuwan Islam perlu menyaringnya mengikut kefahaman Islam yang benar dan membersihkannya dari racun sekuler. Ini kerana barat apabila mengambil ilmu ini mereka membuang nilai kerohanian dan menjadikan tujuan ilmu semata mata untuk dunia. Oleh itu proses Islamisasi ilmu dalam pelbagai bidang perlu untuk mengembalikan 'tamadun Islam'. Hakikatnya, Islam kini berada di persimpangan, bagaimana ingin kembali kepada keagungan yang dahulu dalam dunia moden hari ini.

Al Faruqi telah menyanggah pandangan yang telah diutarakan oleh Gustav Edmund Von Grunebaum¹⁷ yang telah mengemukakan esei tentang sebab mengapa umat Islam tidak terlibat dalam genre drama. Beliau berpendapat bahawa Islam memandang rendah terhadap kreativiti artistik. Ini disebabkan kegagalan orang Islam dalam membezakan kreativiti hakiki dan palsu. Beliau mengatakan al-Quran merendahkan taraf penyair kepada taraf yang meragukan, dengan mengambil petikan ayat 221 hingga 226, Surah AS-Syuara' yang bermaksud: 'Mahukah Aku khabarkan kepada kamu, kepada siapa syaitan-syaitan turun? Mereka turun kepada setiap pendusta yang berdosa. Mereka dengar bersungguh-sungguh apa yang disampaikan oleh syaitan-syaitan itu sedang kebanyakan berita mereka adalah dusta. Dan penyair-penyair itu diikuti oleh orang-orang yang sesat. Tidakkah kamu melihat bahawasanya mereka mengembara di setiap lembah iaitu khayalan dan angan-angan kosong. Dan mereka suka mengatakan apa yang mereka tidak lakukan. Al Faruqi mempersoalkan bahawa Grunebaum tidak memerhatikan penegasan ayat 227 yang berbunyi: 'kecuali mereka iaitu penyair yang beriman dan beramal salih dan banyak mengingati Allah'. Situasi yang menggambarkan sifat dan sikap penyair yang beriman boleh dilihat dalam maksud syair yang diucapkan oleh Ibnu Abbas (R.A).

Seandainya Allah

Mengambil cahaya dari kedua-dua mataku

Maka di lidah dan telingaku

Masih tetap ada cahaya

Hatiku cerdas dan fikiranku tidak cacat

Dan di mulutku ada lidah yang tajam bagaikan pedang

Syair ini menjelaskan kepada kita seandainya Allah SWT menguji kita dengan mengambil penglihatan, Kita hendaklah bersyukur kerana masih dikurniakan Allah SWT dengan nikmat-nikmat yang lain. Seperti nikmat hati, fikiran, percakapan dan pendengaran masih boleh digunakan kearah kebaikan. Mungkin dengan hilangnya penglihatan seseorang itu dapat menghindari dirinya daripada melihat maksiat yang mana boleh mempengaruhinya ke arah kesesatan. Di samping itu juga penyair menasihati kita agar menjaga ketajaman lidah yang bagaikan pedang yang tajam yang boleh mengguris perasaan seseorang dengan menggunakannya ke arah menyampaikan kata kata hikmah demi menegakkan keadilan dan kebenaran.

Al Faruqi berpendapat Grunebaum sengaja mengetepikan ayat itu bagi tujuan menguatkan dan membuktikan prasangkanya terhadap Islam. Al Faruqi juga berpendapat seandainya kita melihat kepada ayat-ayat tersebut, ayat tersebut mengatakan Allah SWT tidak melarang atau mengutuk usaha penyair, akan tetapi sikap tidak bermoral dan pendustaan sesetengah penyair tersebut yang ditolak oleh Islam. Islam meraikan kreativiti tetapi menolak kreativiti yang diasaskan berdasarkan kesesatan dan pendustaan.

Sebagai agama yang meletakkan kepercayaan kepada Allah SWT, Islam mengarahkan kreativiti keindahan diterapkan melalui seni qasidah, khutbah, maqamah, dan qissah. Kesemuanya, dikaitkan dengan aspek balaghah iaitu gaya bahasa yang luhur yang terdapat dalam al-Quran. Semua bentuk karya-karya sastera ini digubah berobjektifkan realiti untuk

¹⁷ Beliau adalah seorang pengkaji sastera Arab. Dilahirkan di Vienna pada 1 September 1909 dan meninggal di Los Angeles, California pada 27 Februari 1972. Merupakan bekas graduan dari Universiti Vienna, 'Department of Oriental Studies' dan thesis Ph.D tentang 'Classical Arabic Poetry'.

dihayati Isi dan perutusannya menjadi medium untuk menyebarkan Islam. Al Faruqi mendatangkan contoh khutbah Abu Bakar dan Umar ketika dilantik menjadi Khalifah yang Pertama dan kedua:

“Wahai manusia sekalian, aku telah dipilih menjadi wali yang akan memimpin kamu, sedang aku bukanlah orang yang terbaik di antara kamu. Sebab itu, jika pemerintahanku ada kebaikan, maka sokonglah, tetapi jika tidak, maka perbaikilah. Orang yang lemah di antara kamu adalah kuat pada sisiku, hingga aku harus menolongnya mendapatkan haknya, sedang orang yang kuat di antara kamu adalah lemah di sisiku, hingga aku harus mengambil hak orang lain yang berada padanya, untuk dikembalikan kepada yang berhak. Patuhlah kepadaku selama aku mematuhi Allah dan Rasul-Nya tetapi jika aku menderhakai Allah, kamu sekalian tidak harus mematuhiku lagi”

Dan juga Contoh Khutbah Umar Al-Khattab:

“Wahai manusia, aku telah dipilih sebagai khalifah. Kiranya kalau tidak mengharapkan bahawa aku adalah orang yang terbaik di antaramu, dan lebih kuat terhadap kamu, dan pula lebih mampu untuk memikul urusan kamu yang penting, tidaklah aku diangkat untuk jawatan ini. Andaikata aku tahu bahawa ada orang yang lebih kuat daripadaku untuk memikul jawatan ini, maka memberikan leherku untuk dipotong lebih aku sukai daripada memikulnya” dalam kedua khutbah ini jelas keluhuran dari segi makna yang tersurat dan tersirat. Isi dan perutusannya adalah gambaran dari penghayatan yang mendalam terhadap isi al Quran dan ajaran Islam.

Seterusnya, al Faruqi menyatakan bahawa qasidah ialah bentuk puisi Islam yang mashur. Pada setiap rangkainya merupakan unit penting yang sempurna dan tersendiri, Ia mempunyai kaitan dengan setiap rangkap dalam satu satu syair, sehingga mengarah kepada bentuknya yang formal. Ciri ini juga diguna pakai dalam maqamah, iaitu suatu karya yang selalu disusun dalam bentuk rangkaian dan selanjutnya dalam bentuk jamak disebut maqamat. Begitu juga keadaannya dalam qissah atau hikayah. Contoh yang ideal untuk qissah dan hikayat ialah Hikayat Seribu Malam. Demikian juga halnya dalam penulisan risalah. Bentuk luarannya yang formal ini sebenarnya dipengaruhi oleh seni Qurani.

Kesemua hasil kesenian dan genre sastera yang disebutkan tadi mempunyai motif yang sama iaitu untuk mendidik fikiran melalui karya-karya sastera yang terus menerus bercirikan Islam. Al Faruqi menyatakan amat penting bagi para karyawan ini mengetengahkan karya-karya mereka di hadapan khalayak ramai dengan membaca puisi atau prosa, bagi membuktikan samada karya tersebut tulen daripada hasil buah fikirannya sendiri atau orang lain dan juga untuk para pendengarnya mendengar secara langsung daripada penulis. Maksud seni kesusasteraan akan sampai kepada pendengar seandainya para penonton benar-benar mendengar dan menghayati karya seninya. Jika tidak motif dan tujuannya tidak akan tercapai. Ini berbeza dengan drama, kesan keindahan seni karya kesusasteraan Islam meliputi dua perkara **pertama**; ia memberikan kepuasan yang terhasil dari tumpuan akal fikiran terhadap pengertian tunggal yang ditetapkan oleh gubahan tersebut. Kesemua rangkap puisi atau ayat prosa, petikan maqta' yakni kumpulan beberapa rangkap di dalam satu gubahan yang lebih panjang maqamah atau qissah samada berdiri sendiri berdasarkan kesesuaiannya sebagai suatu unit atau berhubung dalam ikatan atau rangkaian. Setiap satunya merupakan gambaran makna-makna yang indah berdiri sendiri berdasarkan kesesuaiannya sehingga membentuk kepuasan jiwa yang sempurna. **Kedua**; dalam bentuknya yang berulang-ulang secara formal, gambaran

gubahan tersebut begitu meresap di jiwa. Dukacitanya, Grunebaum dan para pengikutnya tidak dapat memahami karya seni kesusasteraan Islam sebaliknya mereka lebih memotifkan supaya kita mengagungkan kesenian mereka dan seterusnya melupakan karya agung yang telah sedia ada dalam agama kita. Benarlah apa yang tertera di dalam al-Quran bahawa tidak sekali-kali Yahudi dan Nasrani redha terhadap umat Islam sehinggalah kita umat Islam mengikuti mereka. Seterusnya al-Faruqi menegaskan lagi bahawa, konsep kesusasteraan Islam mestilah bebas daripada peniruan dan campuran dari adunan asing dan berpegang teguh dengan tauhid. Beliau memandang bahawa sastera yang menyimpang dari al Quran dan ditokok tambah dengan budaya asing sebagai karya yang tidak bermutu dan merosot kualitasnya. Al Faruqi mempertahankan kesenian Islam yang bercirikan al Quran dengan membuat perbandingan di antara sastera Islam dan barat, sebagai menjawab kepada tuduhan dan kritikan yang dilemparkan oleh orientalist, Grunebaum¹⁸ terhadap sastera Islam. Menurut al Faruqi, Grunebaum telah dengan sengaja memberi gambaran yang salah bahawa Islam memandang rendah akan kreativiti artistik dengan menyatakan bahawa Islam melarangnya di dalam surah as Syu'ara (ayat 221-226)¹⁹, tanpa melihat kepada ayat ke 27²⁰ yang menutup surah tersebut. Ketika ayat ini diturunkan, para sahabat, Abdullah bin Rawahah, Kaab bin Malik dan Hassan bin Thabit datang mengadap Rasulullah s.a.w dan berkata: "Wahai Rasulullah! Demi Allah, Allah telah menurunkan ayat ini, dan Allah mengetahui bahawa kamilah ahli syair dan pasti kami celaka." Maka turunlah ayat yang seterusnya (Surah asy Syu'ara: ayat 227) sehingga Rasulullah s.a.w memanggil mereka kembali dan membacakan ayat tersebut yang mengecualikan mereka dari orang-orang yang celaka. (Diriwayatkan oleh Ibnu Jarir dan al Hakim dari Hasan al Barrad). Jelaslah di sini bahawa Islam merendahkan martabat penyair yang bercanggah dengan Islam, dan mengecualikan para penyair yang beriman. Tidak timbul isu Islam tidak mengiktiraf karya seni yang dihasilkan manusia.

Grunebaum seterusnya menganggap konsep tauhidlah yang menyebabkan sastera Islam itu mundur dan tidak mempunyai seni figuratif (seni patung, seni lukis dan drama). Hal ini merupakan jurang besar di antara dunia Islam dan barat, iaitu ketauhidan. Selain daripada kecenderungan karya sastera barat dihasilkan menggunakan perkataan dan gaya yang terpisah dari maksud sebenar. Al Faruqi juga menganggap bahawa seni Islam itu tidak bercirikan aliran naturalisme dan empirisme yang dilihat menyimpang dari ajaran al Quran. Beliau seterusnya menolak bahawa kesenian Islam itu mundur kerana tidak menggunakan medium figuratif, kerana, beliau menyatakan salah satu cabang seni itu, iaitu drama sebagai "satu cabang kesusasteraan yang membentangkan satu siri kejadian yang berpusat di sekeliling personaliti dan tema yang dominan. Drama direka sedemikian rupa untuk mendedahkan aspek aspek unggul personaliti manusia yang telah disahkan sebagai taakul dan mutlak"²¹. Karya yang disajikan oleh barat seperti model teater Greek, iaitu kisah mengenai dewa dewi, para tuhan dan sebagainya sememangnya bertentangan dengan ketauhidan di dalam Islam kerana Allah

¹⁸ G.E. Von Grunebaum, 1953, *The Spirit of Islam as Shown In Its Literature*, Jilid 1, p 103

¹⁹ هَلْ أَتَيْنَكُمْ عَلَىٰ مَن تَنْزَلُ الشَّيَاطِينُ (221)

تَنْزَلُ عَلَىٰ كُلِّ آفَاكٍ أَثِيمٍ (222)

يُلْقُونَ السَّمْعَ وَأَكْتُرُهُمْ كَاذِبُونَ (223)

وَالشُّعْرَاءُ يَتَّبِعُهُمُ الْغَاوُونَ (224)

أَلَمْ تَرَ أَنَّهُمْ فِي كُلِّ وَادٍ يَهِيمُونَ (225)

وَأَنَّهُمْ يَقُولُونَ مَا لَا يَفْعَلُونَ (226)

إِلَّا الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَذَكَرُوا اللَّهَ كَثِيرًا وَانْتَصَرُوا مِنْ بَعْدِ مَا ظَلَمُوا ۗ وَسَيَعْلَمُ الَّذِينَ ظَلَمُوا أَيَّ مُنْقَلَبٍ يَنْقَلِبُونَ. (227)

²¹ Ismail Al-Faruqi, Lois Lamya' Al-Faruqi, 1998, *passim*, pp 45-46

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

SWT itu satu dan tiada bersekutu, serta Islam menegah sebarang bentuk penyamaan kuasa tuhan kepada apa jua makhluk pun yang diterima akal, secara nyata ataupun imaginasi. Al Faruqi menyebut bahawa tuhan boleh ditanggapi dengan akal fikiran semata-mata, tanpa bantuan imaginasi²² sebagaimana sastera barat yang menjelmakan sifat ketuhanan melalui manusia dan simbol simbol.

Menurutnya juga, semua bentuk kesusasteraan Islam direkacipta bertujuan untuk menggambarkan realiti dan untuk dihayati, urutan gambaran yang terhasil merupakan penyusunan yang dilakukan oleh pengarang secara kebetulan, namun pada hakikatnya gambaran itu tidak berkembang, umpama satu visual yang sentiasa terbuka, terbina daripada pelbagai tanggapan untuk difahami, namun masih sama isi kandungannya. Karya seni sebegini boleh dibaca terus ke hadapan atau mengundur kebelakang dengan kesan maksud dan penghayatan keindahan yang sama dan tidak berubah²³, seiring dengan ciri at tarassul yang dipunyai oleh al Quran.

Peranan Sastera Islam Kepada Umat Sejagat

Al Faruqi melihat, karya sastera itu bertujuan untuk membangkitkan dan menggerakkan akal fikiran pengkarya dan juga audiennya (dideklamasikan dan disampaikan). Kesan seni kesusasteraan Islam meliputi dua perkara²⁴, iaitu;

- 1) suatu kesan rasa kepuasan yang terhasil daripada tumpuan akal fikiran terhadap pengertian tunggal yang ditetapkan di dalam sesuatu karya, walaupun terdiri daripada unit unit yang berbeza, namun setiap satunya memberi gambaran yang indah, berdiri sendiri mengikut kesesuaiannya sebagai suatu yang sempurna dan menyenangkan.
- 2) dalam bentuk unit unit yang berulang secara formal, gambaran karya tersebut begitu meresap di dalam jiwa disebabkan oleh tabiinya yang tidak berkembang di dalam rangkaian siri. Imaginasi yang tercapai di jiwa audien berbeza-beza sewaktu penyampaian seni yang indah, namun apabila dibicarakan tentang tuhan, hal ini tidak dapat digambarkan secara fizikal, tetapi ditanggapi dengan fikiran semata-mata, kerana Allah tidak bisa dipersekutukan dengan apa pun.

Al Faruqi berpendapat bahawa kebudayaan Islam termasuk sasteranya, ditujukan buat semua manusia dan untuk segala zaman²⁵. Jesteru sastera Islam sewajarnya boleh diterima dan “*valid*” untuk dihayati di sepanjang zaman kerana ianya bercirikan al Quran, yang mana al Quran itu mampu difahami dan diterima oleh setiap manusia sepanjang zaman, dan Islam itu sendiri merupakan keperluan manusia kerana Islam membawa manusia kepada nilai nilai yang benar dan mutlak. Karya sastera yang unggul dan hebat menurutnya ialah sastera yang tersebut di dalamnya kata kata atau kalimah al Quran.²⁶

Al Quran Menumbuhkan Pemikiran Dan Kesusasteraan Islam Yang Murni.²⁷

Dalam bahasa Arab sastera dikenali sebagai *adab*. Ini berbeza dengan kefahaman masyarakat Melayu yang mengenali *adab* sebagai kesopanan. Akan tetapi definisi *adab* dalam sastera jauh lebih besar dari itu. Menurut Shauqi Dhaif, *adab* iaitu sastera merupakan karya seni yang

²² *Ibid*, p 47

²³ *Ibid*, p 48

²⁴ Ismail Al-Faruqi, Lois Lamya' Al-Faruqi, 1998, *passim*, p 49

²⁵ Ismail R. Al-Faruqi, 1984, **Islam Dan Kebudayaan**, Penerbit Mizan, Khazanah Ilmu Ilmu Islam: Bandung, p 12

²⁶ *Ibid*, p 76

²⁷ Ismail Al-Faruqi, Lois Lamya' Al-Faruqi, 1998, *passim* pp, 37-40.

digubah bagi kesempurnaan manusia, yang mana di dalamnya mengandungi ciri estetika dan kebenaran. Dalam Islam, sastera sepatutnya menggalakkan manusia menjadi individu yang baik dan beradab.

Kesusasteraan Islam memaparkan kepada kita pelbagai kesatuan yang tidak dapat disangkal iaitu padanya terdapat kesatuan dalam bahasa, tema, dan juga falsafah estetika. Penyusunan Shahnameh, adalah suatu epik patriotik dalam bahasa Parsi ditulis oleh ahli puisi Parsi bernama Firdausi dalam 1010, menandakan suatu perubahan besar dalam sikap Parsi Muslim. Dalam karya ini, firdausi cuba menyatakan dan mengekalkan diri daripada menggunakan himpunan kata Arab yang telah memasuki Parsi ketika itu. Semasa bahasa Arab menguasai bahasa Parsi tiga abad sebelumnya, bahasa arab telah mengubah bahasa itu sebagai bahasa perantaraan bagi semua pernyataan dan persuratan. Bahasa Arab mempunyai hubungkait dengan pengajian al-Quran dan dengan itu dengan keagamaan. Al-Thalibi, ahli nahu yang besar mengatakan: Barangsiapa yang kasih kepada Tuhan....kasih kepada Nabi Muhammad...hendaklah kasih kepada Arab...dan bahasa Arab.

Manakala al-Biruni pernah berkata kebolehan dan kecantikan bahasa Arab itu sehingga beliau lebih rela dimaki dalam bahasa Arab daripada bahasa Parsi. Menurutnya bahasa Arab merupakan bahasa Rasulullah SAW dan oleh sebab itu Allah memuliakan Nabi Muhammad S.A.W dengan mukjizat Al-Quran yang isi kandungan diturunkan dalam bahasa Arab fushah. Selain daripada itu, bahasa Arab juga telah menjadi penyatu utama dalam persuratan bagi orang-orang Islam di seluruh dunia.

Dari segi tema boleh dikatakan kebanyakan para karyawan Islam menyampaikan karya-karya seni mereka tentang Isra' dan Mi'raj iaitu perjalanan malam dan tentang Nabi diangkat ke langit, hari keputeraannya, Ramadhan, hijrah. Mereka menceritakan perkara-perkara tersebut dengan cara sastera dengan penuh bertenaga bagi menarik para peminat sastera menghayati Islam. Selain daripada itu, mereka juga mengetengahkan sejarah kehidupan Nabi Muhammad S.A.W dan sunnahnya dalam kesusasteraan dalam bentuk puisi dan cerita.

Disebabkan dunia Muslim pada umumnya berada dalam keadaan perubahan, ada penulis puisi, cerita dan teater muslim membawa idea tentang penentang berlawan dengan perbuatan salah dan ketidakadilan. Namun akhirnya kembali kepada Allah. Sebagai contoh; Badr Syakir as-Sayyab pada mulanya mengajukan persoalan dengan nada yang mendesak, menyoal Allah SWT dengan mempamirkan unsur biadap dengan kata-kata:

Adakah engkau dengar
Dan mendengar adakah kamu menjawab
...Oh pemburu manusia...penyeksa

Sejurus selepas itu, penyair tersebut kembali bertaubat dengan merendah diri, akur dan pasrah kepada Allah SWT dengan mengatakan:

“Aku hendak tidur dalam makam-Mu yang suci
Di bawah selimut dosa dan kesalahan
Aku hendak melihat-Mu...Tetapi siapa yang dapat melihat Mu?
Aku berlari ke pintu-Mu yang besar

Sebagai seorang karyawan Muslim mereka sentiasa sedar akan batasan seorang hamba dengan Tuhannya, begitulah kita sebagai hamba Allah SWT yang selalu mempertikaikan dan sering mengeluh apabila menghadapi musibah. Namun, sebagai hamba Allah kita perlu sedar tidaklah Allah menjadikan kita dengan sia-sia tanpa diuji akan sejauh mana Iman kita. Seandainya kekasih Allah SWT iaitu Nabi Muhammad S.A.W juga diuji dengan pelbagai ujian apatah lagi kita yang mempunyai banyak dosa seharusnya bersabar dan kembali kepada-Nya dan bertaubat atas dosa-dosa yang telah lalu.

Iqbal seorang penyair ahli falsafah yang berasal dari Pakistan mengatakan:

*Jika iman telah lenyap, maka tidak lagi rasa aman,
Dunia ini tidak bererti,
Jika agama tidak lagi dijunjung,
Siapa orang yang hidup tanpa agama,
Maka kehancuran akan menjadi teman setianya.*

Sastera Islam telah wujud semenjak Islam itu lahir di bawah Rasulullah SAW. Al-Quran hadir bersama Rasul yang tercinta yang membawa risalah ini dengan nilai yang sarat dengan keilmuaan. Islam telah membentuk budaya yang gemilang dalam sejarah manusia, apabila melalui ajarannya lahir peribadi yang hebat dan tinggi ilmunya hasil pemahaman mereka terhadap al-Quran dan al-Sunnah.

Penutup

Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa, kita tidak boleh memisahkan agama dan sastera. Ini kerana Islam adalah agama yang memberi rahmat kepada sekalian alam dan manusia. Manakala matlamat utama diutuskan Rasulullah S.A.W untuk membimbing manusia ke jalan yang diredhai Allah demi kecemerlangan di dunia dan di akhirat. Jesteru sastera adalah medium yang penting untuk melestarikan tujuan ini. Seandainya kita hendak berjaya di dunia dan akhirat, kita hendaklah menjadikan Al-Quran dan Sunnah sebagai panduan dalam menjalani kehidupan di dunia yang penuh dengan dugaan dan rintangan. Tanpanya manusia akan menjadi sesat dan hilang arah hingga leka dengan kehidupan dunia dan lupa pada kehidupan yang kekal abadi iaitu 'akhirat'.

Sebagai umat Islam kita hendaklah mempunyai pegangan yang kuat kepada kehidupan beragama dengan tidak mudah terpengaruh dengan fahaman barat. Pihak barat tidak berputus asa untuk menyebarkan fahaman dan gaya pemikiran mereka yang tidak bermoral. Demi untuk melestarikan qasad mereka, mereka telah merubah strategi penyebaran fikrah untuk mempengaruhi umat Islam kearah penulisan dan perfileman serta medium yang lebih moden sesuai dengan keadaan semasa. Tujuan '*al-Ghazwu al-Fikri*' ini hakikatnya adalah kelangsungan program barat untuk menghancurkan umat Islam sejak sekian lama. Jesteru genre genre dari barat atau yang membawa fikrah mereka adalah peperangan psikologi terhadap umat Islam dalam rangka untuk memesonkan akidah atau paling tidak menipiskan pegangan umat Islam demi untuk menjadikan mereka lebih leka, seterusnya menjadikan barat sebagai kiblat ikutan.

Natijahnya, umat Islam telah melupakan sumber kekuatan mereka iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Oleh itu, kita perlu mengembali dan memupuk kesedaran kepada umat Islam

terutamanya generasi mendatang. Di samping itu, umat Islam hari ini perlu meyakini bahawa mereka adalah pembawa panji-panji kebenaran yang perlu disebarikan kepada golongan bukan muslim yang lain. Jesteru seni merupakan medium yang penting dalam melestarikan tujuan murni ini, kerana seni dan sastera mempunyai pengaruh yang besar kepada manusia. Jelaslah di sini bahawa konsep sastera Islam itu tidak dapat lari daripada hubungannya dan kaitannya dengan al Quran. Maksudnya; penyusunan sastera, atau kandungan sastera itu sendiri mestilah bertepatan dengan apa yang terkandung di dalam kalamullah, sehingga ia benar benar menyerlahkan maksud al-Quran samaada; isi dan persembahannya.

Rujukan

- G.E. Von Grunebaum, 1953, *The Spirit of Islam as Shown in Its Literature*, Jilid 1.
- Ibnu Muhammad Al-Sheikh, T.T, Sheikh Saleh Ibn Abdul Aziz, *Tafsir Al-Quran Dan Terjemahannya*, Saudi Arabia.
- Ismail al-Faruqi, 1988, *Pemikiran Islam Al-Faruqi*, Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Ismail Al-Faruqi, 1980, *Islam and Culture*, Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Dewan Pustaka Islam: Kuala Lumpur.
- Ismail al-Faruqi, *Fikiran Dan Budaya Islam*, Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Ismail Al-Faruqi, Lois Lamy' Al-Faruqi, 1998, *Kumpulan Kertas Kerja Al-Faruqi, Pemikiran Islam Al-Faruqi*, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia: Kuala Lumpur.
- Ismail R. Al-Faruqi, 1984, *Islam Dan Kebudayaan*, Penerbit Mizan, Khazanah Ilmu Ilmu Islam: Bandung.